

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [ BATU ]**

**TARIKH : 13 OGOS 2018 (ISNIN)**

**SOALAN : 40**

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) untuk tujuan apakah Malaysian Aviation Commission (MAVCOM) mengutip tambahan RM1 dari setiap tiket penerbangan sedangkan Malaysia Airport MASB sudah meletakkan cukai penerbangan yang tinggi; dan
- (b) mengapakah Malaysian Aviation Commission (MAVCOM) melantik International Air Transport Association (IATA) untuk mengutip cukai tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tujuan penubuhan MAVCOM, Kerajaan telah meluluskan pemberian dana sebanyak RM90 juta untuk dua tahun pertama penubuhan MAVCOM. Bagi memastikan MAVCOM dapat melaksanakan fungsi dan kuasanya sebagai badan bebas di bawah Akta 771 secara berterusan, MAVCOM memerlukan sumber kewangan sendiri untuk membiayai operasinya melalui pungutan hasil seperti fi dan caj.

Dalam hubungan ini, MAVCOM telah mengenakan caj pengawalseliaan (*regulatory charge*) terhadap penumpang di lapangan terbang Malaysia bermula pada 1 Mei 2018. Caj pengawalseliaan yang dikenakan adalah pada kadar maksima RM1.00.

Caj pengawalseliaan tersebut dikenakan terhadap penumpang sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang diberikan oleh MAVCOM kepada para penumpang yang meliputi pengurusan dan pengendalian aduan dan juga aktiviti-aktiviti pendidikan kepenggunaan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa kepada penumpang secara khususnya dan masyarakat secara amnya.

Caj pengawalseliaan (*regulatory charge*) adalah caj berasingan dan berbeza dengan pengenaan Caj Perkhidmatan Penumpang

- *Passenger Service Charges* (PSC)) yang dikutip oleh pengendali-pengendali lapangan terbang seperti Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) dan Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd. Pengenaan PSC adalah caj terhadap penumpang yang menggunakan fasiliti di lapangan terbang dan merupakan sumber pendapatan untuk pengendali-pengendali lapangan terbang bagi menyediakan dan menyelenggara kemudahan fasiliti yang disediakan di lapangan terbang tersebut.

- (b) MAVCOM telah melantik IATA *International Air Transport Association* ("IATA") untuk mengutip cukai tersebut disebabkan persatuan tersebut mempunyai sistem penyelesaian (*settlement system*) yang dianggotai oleh kebanyakan syarikat penerbangan Malaysia dan asing yang beroperasi di Malaysia dan menawarkan servis sebagai ejen pengutipan (*collecting agent*) untuk caj-caj berkaitan penumpang. Sehubungan itu, MAVCOM telah mengadakan *Service Level Agreements* ("SLA") dengan IATA.

Dalam hubungan ini, IATA akan mewujudkan satu kod khas untuk caj kawal selia di dalam sistem tiket penerbangan global (*Global Distribution System* ("GDS")) untuk membolehkan semua tiket yang dijana oleh mana-mana syarikat penerbangan bagi pelepasan dari mana-mana lapangan terbang di Malaysia dikenakan caj kawal selia tersebut.

Caj kawal selia ini dikutip oleh syarikat penerbangan yang mengeluarkan tiket bersama dengan harga tiket serta caj

perkhidmatan penerbangan yang lain. IATA kemudiannya akan *offset* caj kawal selia daripada bayaran yang dibuat oleh syarikat penerbangan dan menyerahkan caj tersebut kepada Suruhanjaya dalam tempoh masa yang termaktub di dalam SLA.

Untuk makluman, pihak berkuasa penerbangan di Indonesia dan Thailand turut menggunakan perkhidmatan IATA untuk mengutip caj bagi pihak mereka.